

## SIARAN MEDIA

### MyCC PANTAU INDUSTRI AYAM

**KUALA LUMPUR, 2 NOVEMBER 2023** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ingin menegaskan komitmen MyCC dalam pemantauan aktiviti pasaran ayam susulan pengumuman terkini kerajaan untuk menghapuskan subsidi dan kawalan harga ke atas ayam berkuatkuasa mulai 1 November 2023. Semasa tempoh peralihan susulan tindakan kerajaan ini, harga ayam akan berubah daripada harga siling sebanyak RM9.40 bagi setiap kilogram kepada harga yang akan ditentukan oleh keadaan semasa pasaran.

Setakat ini, berdasarkan pemerhatian kami, persaingan dalam pasaran ayam dilihat menunjukkan tanda yang positif. MyCC melihat bahawa bekalan ayam di pasaran tidak mengalami sebarang gangguan dan harga ayam bagi tempoh dua hari pertama tempoh peralihan ini dijual dalam lingkungan harga RM6.49 hingga RM11.00 bagi setiap kilogram. Kami juga sehingga ke hari ini tidak menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak.

Meskipun terdapat persaingan dalam pasaran, kami akan terus memantau pasaran secara dekat bagi mengesan sebarang tanda-tanda kewujudan pelakuan antipersaingan. Pemansuhan subsidi dan penghapusan harga kawalan bagi ayam tidak boleh diambil kesempatan oleh mana-mana pihak. Sama seperti penyiasatan yang telah MyCC laksanakan pada tahun lepas terhadap syarikat-syarikat pengeluar makanan ayam, kami tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat sebarang tanda yang menunjukkan bahawa terdapat gangguan terhadap proses persaingan oleh mana-mana pemain industri dari mana-mana peringkat rantai bekalan sekalipun.

MyCC ingin menegaskan bahawa MyCC sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Mereka bersedia untuk memberikan MyCC akses kepada data-data penting bagi membolehkan kami untuk mengesan dan mengambil

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

tindakan lanjut terhadap sebarang gangguan dalam proses persaingan dalam pasaran terutamanya yang melibatkan aktiviti kartel.

MyCC sedar bahawa ayam merupakan salah satu sumber protein yang utama untuk pengguna Malaysia. Kami kekal komited dalam memastikan persaingan yang sihat dalam pasaran ayam untuk kebaikan pengguna. MyCC mengalu-alukan sebarang aduan atau perkongsian maklumat yang berkaitan dengan isu-isu yang relevan baik dari pengguna mahupun peniaga dan mereka boleh berbuat demikian melalui laman sesawang kami di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) atau apa-apa cara yang mereka rasakan sesuai.

**Iskandar Ismail**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

**-tamat-**

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: [cad@mycc.gov.my](mailto:cad@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkukuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).